

**RESILIEN DAN ADAPTASI 2 PENGGIAT SENI DALAM
MEMBUDAYAKAN 3 PERSEMBAHAN SENI SECARA TALIAN (DIGITAL)
SEBAGAI 4 NORMAL BAHARU PASCA COVID-19**
***RESILIENCE AND ADAPTATION OF 2 ARTISTS IN CULTIVATING
3 ONLINE (DIGITAL) ART PERFORMANCES AS
4 NEW NORMALS POST-COVID-19***

**Sri Ningsih Sukirman¹
Patricia Jipoh²**

^{1,2}Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF),
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.
ningsih@ums.edu.my¹;patriciacyia@gmail.com²
Tarikh Dihantar: 2 Mei 2021 / Tarikh Diterima: 2 Disember 2021

ABSTRAK

Penularan pandemik COVID-19 di Malaysia yang mula dikesan pada akhir bulan Januari 2020 lalu telah memaksa kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang seterusnya dilanjutkan kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan disusuli dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) mulai 18 Mac 2020. Bukan itu sahaja, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawasan juga dilaksanakan. Memandangkan pengalaman PKP ini adalah pertama kali bagi kebanyakan penduduk dan tempohnya yang panjang sehingga memberikan impak terhadap pelbagai sektor ekonomi negara. Salah satu sektor berkenaan ialah industri media, seni dan hiburan. Penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP didapati memberikan kesan yang mendalam terutamanya terhadap penggiat seni (profesional dan tidak formal) di negeri Sabah. Asas permasalahan kajian ini didasarkan pada dua isu, iaitu (i) bagaimakah tahap dan ciri-ciri resilien penggiat seni (profesional dan tidak formal) sepanjang PKP (termasuk PKPB, PKPP dan PKPD) yang berlangsung? dan (ii) bagaimakah mereka mengadaptasi pendekatan persembahan (seni tari, seni teater dan seni muzik) dari normal biasa bersifat fizikal ke normal baharu, iaitu ‘pentas’ digital dan cabaran yang terpaksa dihadapi dalam tempoh PKP, PKPB, PKPP, PKPD dan pasca COVID-19 nanti? Oleh itu, objektif kajian ini adalah (i) mengenal pasti tahap dan ciri-ciri resilien (daya tahan) penggiat seni sepanjang tempoh PKP termasuk PKPB, PKPP dan PKPD yang dikaji di negeri Sabah (ii) meneliti kepelbagaiannya strategi adaptasi yang dilakukan oleh pengiat seni persembahan dalam tempoh PKP (termasuk PKPB, PKPD dan PKPP) dalam konteks perubahan daripada amalan normal biasa kepada amalan normal baharu yang dilakukan oleh penggiat seni persembahan di negeri ini (iii) mencadangkan strategi semerta, jangka pendek, jangka

sederhana dan jangka panjang yang boleh dilaksanakan dalam memperkasa penggiat seni persesembahan dengan mengambil kira perubahan kepada amalan normal baharu dan budaya aplikasi digital pasca COVID-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang disokong oleh kaedah kualitatif. Kaedah kuantitatif melibatkan temu bual penggiat seni tari menggunakan borang soal selidik. Kajian fundamental ini dijangka dapat menyumbang dalam penyediaan pelan pengurusan risiko dan krisis penularan pandemik dan pembuatan polisis berkaitan dengan bidang seni tari.

Kata kunci: Resilien, adaptasi, pandemik, COVID-19, penggiat seni.

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic in Malaysia which was first detected at the end of January 2020 has forced the government to implement the Movement Control Order (MCO) which was subsequently extended to conditional Movement Control Order (CMCO) and followed by the Recovery Movement Control Order (RMCO) starting 18 March 2020. Not only that, but the Enhanced Movement Control Order (EMCO) in some areas was also implemented. Considering that the experience of MCO is the first time for most residents and its long duration until it is found to have an impact on various sectors of the country's economy. One of these sectors is the media, arts and entertainment industries. The COVID-19 pandemic and the implementation of the MCO have had a profound effect especially on arts players (professional and informal) in Sabah. The basis of the problem is based on two issues, namely (i) how is the level and characteristics of resilience of art players (professional and informal) during the MCO (including CMCO, RMCO and EMCO) held? and (ii) how do they adapt their performance approach (dance, theatrical arts and musical arts) from normal physical to new normal, namely the digital 'stage' and the challenges faced during the MCO, CMCO, RMCO, EMCO and post-COVID-19 period? Therefore, the objectives of this study are (i) identify the level and characteristics of resilience (resilience) of art players during the MCO including CMCO, and EMCO studied in Sabah (ii) examine the various adaptation strategies performed by performing arts players during the MCO period (including CMCO, RMCO and EMCO) in the context of changes from normal practices to new normal practices performed by performing arts players in the state (iii) propose a strategy as bright, short-term, medium and long term as feasible in empowering performing arts players taking into account changes to new normal practices and post-COVID-19 digital application culture. The study used a quantitative approach supported by qualitative methods. Quantitative methods involve interviewing dance artists using questionnaires. This fundamental study is expected to contribute to the preparation of risk management plans and pandemic contagion crises and policy making related to the field of dance arts.

Keywords: Resilience, adaptation, pandemic, COVID-19, art players.

PENGENALAN

Sejarah penularan virus COVID-19 bermula pada 31 Disember 2019 apabila pihak berkuasa negara China telah melaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tentang jangkitan penyakit radang paru-paru (pneumonia) yang puncanya tidak diketahui di Bandar Wuhan, Wilayah Hubei, China. Pada peringkat permulaan fasa, kebanyakannya kes daripada kluster awal ada hubungan epidemiologikal dengan pasar menjual haiwan hidup iaitu di Pasar Huanan, China Selatan yang disyaki kemungkinan punca asal zoonotik tersebut (World Health Organization, 2020a). Selepas penularan wabak ini semakin meningkat secara drastik di kebanyakannya negara, WHO telah mengisytiharkannya sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Sehingga 31 Mac 2021, hampir mencecah lebih 128 juta kes positif COVID-19 dengan melebihi 2.8 juta kes kematian berlaku di seluruh dunia (World Health Organization, 2020b).

Di Malaysia, rekod penularan pandemik COVID-19 bermula pada penghujung bulan Januari 2020. Wabak COVID-19 di negara ini mula menular selepas salah seorang peserta ijtima' tabligh di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh 16,000 orang peserta (pada 27 Februari hingga 1 Mac) telah disahkan positif COVID-19 pada 11 Mac. Sehingga 31 Mac 2021, sebanyak 345,500 orang disahkan positif COVID-19 dan melibatkan 1,272 kes kematian di seluruh negara. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan yang proaktif, sistematik dan berintegrasi dengan melaksanakan PKP di seluruh negara, iaitu bermula pada 18 Mac sehingga 31 Ogos akan datang. Pendekatan pelaksanaan PKP ini melalui beberapa fasa, iaitu (i) PKP Fasa 1: 18 Mac – 31 Mac 2020; (ii) PKP Fasa 2: 1 April – 14 April 2020; (iii) PKP Fasa 3: 15 April – 28 April 2020 dan (iv) PKP Fasa 4: 29 April – 12 Mei 2020. Sebelum PKP Fasa 4 berakhir, PKPB dilancarkan pada 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020. Pada masa ini, PKPP sedang dilaksanakan bermula pada 10 Jun 2020 dan akan berakhir pada 31 Disember 2020. Pada masa kini, PKP, PKPB, PKPP dan PKPD dilaksanakan mengikut kawasan yang berkeperluan.

LATAR BELAKANG TEORI

Terdapat beberapa konsep penting yang digunakan dalam kajian resilien dan adaptasi penggiat seni dalam membudayakan seni secara talian (digital) sebagai normal baharu pasca COVID-19 di negeri Sabah.

Konsep Resilien

Resilien adalah cara atau pendekatan seseorang yang mengalami kesulitan dan kesusahan untuk dapat menghadapi segala bentuk risiko, cabaran dan kekangan dengan lebih tabah dan yakin, kompeten dan berdaya juang yang tinggi dalam kehidupannya (Mohd Izwan, 2020). Resilien juga ditakrifkan sebagai ciri-ciri kekuatan yang ada dalam diri seseorang bagi menghadapi tekanan, membuat penyesuaian dan menunjukkan hasil yang positif walaupun pendedahan kepada kesukaran dalam kehidupan. Menurut Mohd Izwan (2020), mereka yang memiliki tahap resilien yang tinggi berkeupayaan untuk menahan diri dan dapat mengadaptasi dalam situasi yang tertekan atau berhadapan dengan krisis. Sehubungan dengan itu, seseorang yang mempunyai resilien yang tinggi dapat mengurus tekanan, kebimbangan dan menyelesaikan masalah kompleks yang dihadapi dalam tempoh berlakunya krisis mahupun pasca krisis.

Konsep Pandemik COVID-19

Pandemik merupakan wabak penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia, tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata, tetapi ia mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua malah seluruh dunia. Sesuatu pandemik bermula daripada wabak peringkat epidemik yang merebak terlalu luas sehingga tidak terkawal (World Health Organization, 2011). COVID-19 merupakan SARS-CoV-2 iaitu virus yang menyebabkan wabak COVID-19 adalah ahli paling terkini dalam famili *coronavirus*. Virus ini lazimnya ditemui dalam badan manusia dan mamalia lain. Data terbaru menunjukkan wabak COVID-19 paling mudah berjangkit tetapi kurang berkemungkinan menyebabkan gejala klinikal yang teruk dan menyebabkan kematian berbanding wabak SARS dan MERS (Jennifer, 2020).

SOROTAN LITERATUR

Penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia sehingga bulan Jun 2020 memberikan impak yang signifikan terhadap kesejahteraan komuniti global. Dalam tempoh pandemik ini, hampir kesemua sektor ekonomi dan sosial di kebanyakan negara turut terjejas. Secara umumnya, fokus kajian ini adalah untuk meneliti impak pandemik terhadap salah satu sektor ekonomi yang turut terjejas teruk iaitu industri media, seni dan hiburan. Pada masa ini, kebanyakan literatur yang diterbitkan lebih tertumpu kepada usaha untuk mengenal pasti jenis virus, punca, ciri-ciri dan analisis klinikal berkaitan dengan virus COVID-19 (Smith *et al.*, 2020; Jeniffer, 2020; Wu & McGoogan, 2020; UNCTAD, 2020; Ying Liu *et*

al., 2020 dan Kai & Jon, 2020). Kajian ilmiah tentang hubungan isu pandemik dan industri media, seni dan hiburan adalah kurang dan terhad. Antara yang relevan adalah artikel tulisan Moon (2020) yang diterbitkan dalam *International Digital Organization for Scientific Research – IDOSR Journal of Experimental Sciences*. Setakat ini, kebanyakan penerbitan adalah melalui pelbagai media alternatif seperti buletin, majalah, akhbar dan laman web pelbagai syarikat produksi seni (Deloitte, 2020; Colleen Dilenschneider, 2020a; KEA, 2020; Londonist, 2020a) serta artikel dalam talian yang ditulis oleh kolumnis dan editor yang rata-rata bukan dalam kalangan sarjana (seperti Laura, 2020; Kajsa; Jason, 2020; Ella, 2020; Sinead, 2020; Scott, 2020). Hal ini sangat membantu sebagai sumber literatur pengkaji dalam penyelidikan ini. Apatah lagi, penerbitan isu ini adalah kurang di Malaysia dan hanya terbatas melalui sumber media massa yang berbentuk komentar dan ulasan sahaja.

Pandemik COVID-19 memberikan impak terhadap penawaran, penggunaan dan pengiklanan media di seluruh dunia. Sebaliknya, permintaan terhadap seni persembahan yang dirakam dan disiarkan secara talian (*streaming*), secara *live* dan pelbagai aplikasi digital semakin popular dan *trending* (Deloitte, 2020). Kebanyakan aktiviti seni, budaya dan hiburan seperti persembahan konsert, tarian, drama, filem, teater dan lain-lain ditutup dalam tempoh pandemik COVID-19. Hal ini memaksa syarikat produksi dan individu mencari kaedah baharu untuk menyampaikan persembahan mereka kepada pelanggan, peminat dan penonton secara digital berbanding secara fizikal. Ia termasuklah latihan dan persembahan tarian, seni muzik, teater, orkestra, opera serta lakonan filem dan drama. Bagi strategi masa akan datang, pihak penggiat media dan seni perlu relevan dengan apa yang mereka usahakan melalui tiga dimensi untuk mengurus krisis ini, iaitu bertindak balas (*respond*), pemulihan (*recovery*) dan berkembang maju (*thrive*) (Deloitte, 2020).

Disebabkan keperluan penjarakan sosial dan *venue* yang menyebabkan kesesakan dan sentuhan secara fizikal, ia bukan sahaja menjelaskan aspek latihan, malah persiapan akhir dan persembahan secara awam. Untuk itu, banyak institusi seni persembahan cuba membuat adaptasi dengan menawarkan perkhidmatan digital sebagai norma baharu. Secara khususnya, ini mendorong kepada perkhidmatan penyiaran secara percuma melalui talian yang sebelumnya persembahan direkodkan oleh banyak syarikat – terutamanya persembahan orkestra (*Time Out*, 2020; Stephanie & Sharnee, 2020; *WhatsOnStage*, 2020a). Sebagai respons daripada senario ini, wujud inisiatif secara meluas untuk menyediakan perkhidmatan tambahan mahupun alternatif melalui pelbagai platform secara digital. Langkah ini bagi memastikan aktiviti penting dengan

sumber yang terbatas membolehkan mereka mendokumentasikan acara atau seni persembahan melalui pendekatan yang baharu. Data menunjukkan wujud penurunan untuk keinginan hadir dalam aktiviti yang dijalankan dalam ruang yang tertutup, dalam kumpulan besar (contohnya dalam pawagam) atau aktiviti yang terpaksa bersentuhan secara fizikal, sebaliknya peningkatan dalam minat untuk menjalankan aktiviti *outdoor* dan melibatkan ruang yang luas (Colleen Dilenschneider, 2020a; 2020b).

Banyak organisasi dan syarikat produksi dalam sektor media, seni dan hiburan serta penggiat seni persendirian termasuk yang tidak formal dan jalanan mula menggunakan platform secara dalam talian atau digital terutamanya media sosial (Laura, 2020). Ia adalah suatu cara untuk memenuhi matlamat organisasi serta untuk mendapat atau mengekalkan audiens mereka dalam tempoh perintah berkurung atau perintah kawalan pergerakan dan fasa selepasnya (Kajsa, 2020; Jason, 2020). Artis atau penggiat seni dari pelbagai cabang seni persembahan (tarian, muzik, drama, orkestra, teater dan lain-lain lagi) menggunakan inisiatif sendiri dengan mengadakan persembahan spontan secara langsung melalui akaun personal mereka (seperti Facebook, Instagram dan Twitter). Antaranya, menyanyikan semula lagu penyanyi asal dengan gaya dan suara sendiri (*cover* lagu), persembahan puisi dan sajak secara *live*, berkongsi hasil karya seni dan kreatif atapun membuat rakaman secara siaran terus secara kreatif mahupun dengan gaya santai aktiviti harian (Sinead, 2020; Ella, 2020). Selain itu, ramai ahli muzik, penyanyi dan penulis lirik melakukan adaptasi dalam tempoh pandemik ini dengan kecenderungan untuk mengajar secara talian atas dua faktor, iaitu peningkatan mendadak masyarakat terhadap keperluan untuk belajar pelbagai instrumen dalam tempoh perintah berkurung dan kemerosotan dari segi peluang untuk melakukan persembahan berbayar di khalayak awam (Scott, 2020).

Disebabkan keperluan terhadap penjarakan sosial, maka banyak *venue* seni persembahan terpaksa ditutup yang turut menjelaskan aspek latihan, persiapan akhir dan persembahan di khalayak awam. Dalam sesetengah kes, contohnya Festival Edinburgh yang diadakan selepas Perang Dunia Ke-2 sebagai suatu cara untuk menyampaikan mesej perdamaian melalui seni persembahan, buat pertama kalinya dibatalkan sejak lebih 60 tahun penganjurannya (*The Sydney Morning Herald*, 2020). Untuk itu, banyak institusi seni persembahan cuba untuk membuat adaptasi dengan menawarkan perkhidmatan secara digital. Perkhidmatan *streaming* muzik seperti SoundCloud, Spotify dan Bandcamp turut membuat sokongan kewangan ataupun pengecualian yuran untuk menyokong para penggiat seni (KEA, 2020) melalui kempen di Instagram dengan tanda palang “#ArtistSupportPledge” sebagai tanda sokongan.

Sejak akhir-akhir ini, lebih banyak aplikasi digital yang mudah akses yang berkaitan dengan seni dan hiburan tersedia secara percuma tanpa sistem sekatan geografikal (*geo-blocking*). Menurut Schaffarczyk (2013), sistem ini digunakan untuk mengehadkan peluang dan perubahan kandungan sesuatu platform bergantung kepada lokasi geografi seseorang pengguna. Hal ini sekali gus meningkatkan kesedaran awam dan golongan penggiat seni terhadap permintaan global untuk akses secara talian sebagai suatu budaya, keterhadan perundangan hak cipta dan jangkaan akses kepada awam yang disumbangkan oleh dana kerja-kerja kreatif tersebut.

Aspek Resilien dan Adaptasi Penggiat Seni Terpilih Kesan Penularan Pandemik COVID 2020

Dari segi resilien dan adaptasi penggiat seni dapat diteliti, contohnya Stewart iaitu seorang pelakon terlatih *Shakespeare* merakam dan menyiaran secara talian membaca satu *sonnet* setiap hari melalui Instagram beliau (Londonist, 2020a). Contoh lain adalah tindakan syarikat produksi Sydney Theatre yang menyarankan pelakon mereka untuk merakamkan aktiviti di rumah iaitu berbincang, kemudiannya membuat persembahan dari monolog daripada satu *scene* yang pernah mereka persembahkan di pentas (Sydney Theatre Company, 2020). Seterusnya, Kathy Lee pula membuat persembahan melalui platform Zoom untuk *The One day of the Year* bersama lima orang pelakon lain dari rumah masing-masing (The Gallipoli Association, 2020).

Selain itu, banyak syarikat produksi tarian balet menjalankan kelas latihan melalui platform Zoom untuk penari mereka yang turut disiarkan secara langsung melalui media sosial, termasuk pengetua seni tarian dari American Ballet Theatre, James B. Whiteside. Demikian juga Isabella Boylston, iaitu pengarah artistik dan pengetua seni tarian dari English National Ballet Tamara Rojo yang menawarkan kelas secara *live* melalui media sosial (Lansky, 2020). Malah, ramai juga ahli muzik membuat persembahan konsert dari rumah sepanjang tempoh kuarantin (Classic FM, 2020). Beberapa syarikat produksi persembahan seni profesional telah merekodkan persembahan sebelum ini telah berkongsi semula persembahan itu melalui pelbagai saluran media sosial (Jadual 1) (*Time Out*, 2020; Stephanie & Sharnee, 2020; *WhatsOnStage*, 2020a).

Jadual 1 Inisiatif dalam resilien dan adaptasi untuk persembahan secara dalam talian (Digital)

Syarikat Produksi	Jenis Persembahan	Hasil Karya	Medium Digunakan	Rujukan
London Palladium	Teater	<i>The Wind in the Willows</i>	Laman web sendiri	<i>Londonist</i> (2020b)
Phoebe Waller-Bridge	Teater	<i>Fleabag</i>	Video Soho Theatre dan Amazon Prime – sumbangan diperlukan	<i>The Guardian</i> (2020a)
Royal Shakespeare Company	Teater	6 siri produksi	BBC iPlayer	<i>WhatsOnStage</i> (2020b)
Bolshoi Ballet	Tarian balet	6 siri persembahan tarian – 1 sesi setiap minggu	YouTube	<i>Pointe Magazine</i> (2020)
New York City Ballet	Tarian balet	Disiarkan dua kali seminggu	Facebook & YouTube	<i>Pointe Magazine</i> (2020)
Hamburg Ballet	Tarian balet	Lima sesi tarian	Laman web persendirian	<i>Pointe Magazine</i> (2020)
Sadler's Wells Theatre	Seni tarian	Disiarkan seminggu sekali	Facebook & YouTube	<i>Dance Magazine</i> (2020b)
Alvin Ailey American Dance Theater	Seni tarian	Disiarkan seminggu sekali	Laman web persendirian	<i>Dance Magazine</i> (2020b)
Martha Graham Dance Company	Seni tarian	Disiarkan seminggu sekali	Youtube	<i>Dance Magazine</i> (2020b)

Impak Penularan Pandemik COVID-19 terhadap Industri Media, Seni dan Hiburan

(a) Isu kewangan dan pekerjaan

Disebabkan penutupan, pendapatan organisasi budaya yang bergantung kepada penjualan tiket dijangka mengalami kemerosotan yang teruk. Ia turut memberikan kesan secara langsung kepada staf organisasi dan syarikat produksi berkenaan, termasuk penggiat seni profesional dan persendirian. Hal ini disebabkan kebanyakan penggiat seni yang terlibat dalam sektor budaya dan seni dalam ekonomi negara dicirikan dengan peratusan yang tinggi sebagai bekerja sendiri (*Artnet News*, 2020).

Contoh lain, pada 20 Mac 2020, syarikat produksi Cirque du Soleil telah memberhentikan 95 peratus pekerja dan menghentikan perjalanan persembahan sarkas di tujuh buah negara (Brendan, 2020). Beberapa contoh kes negara terpilih lain adalah seperti syarikat produksi Opera Australia yang merupakan sebuah syarikat seni persembahan terbesar di negara ini buat sementara memberhentikan hampir kesemua staf mereka dan berkemungkinan besar terpaksa menjual beberapa aset utama mereka untuk mengelakkan bankrap. Sehingga 23 Mac 2020, sebanyak 255,000 acara persembahan kebudayaan terpaksa dibatalkan dengan kehilangan penjanaan pendapatan sebanyak \$A280 juta (Jo, 2020). Di Amerika Syarikat pula, pada akhir Mac 2020, syarikat produksi Metropolitan Opera dijangka kehilangan penjanaan pendapatan sebanyak US\$60 juta (Zachary, 2020).

(b) Bantuan kewangan

Dengan krisis kewangan yang semakin kritikal dan meluas merentasi pelbagai sektor ekonomi, banyak negara mengumumkan stimulus fiskal dan pakej untuk menyelamatkan ekonomi yang melibatkan sumber khusus untuk sektor media, seni dan hiburan. Berikut adalah dua contoh negara yang memperuntukkan pakej stimulus kewangan untuk industri hiburan mereka.

Di Australia, pada bulan Mac 2020 lalu, satu *petition* telah dilancarkan melibatkan lebih 50 organisasi kebudayaan dan seni (termasuk badan terkemuka dari pelbagai cabang seni seperti muzik, tarian, seni visual, muzium, kumpulan seni orang Asal dan penulis) telah memohon pakej bantuan kewangan dengan nilai 2 peratus daripada \$111.7 bilion yang diperuntukkan untuk industri kreatif dan kebudayaan. Syarikat produksi Live Performance Australia, iaitu '*the advocacy body for the live performing industry*' secara berasingan memohon bantuan kewangan sebanyak \$850 juta untuk sektor mereka (NAVA, 2020), manakala di United Kingdom, Majlis Kesenian England mengumumkan £160 juta disalurkan kepada organisasi kesenian. Ia termasuk £50 juta kepada organisasi yang belum pernah menerima sumbangan sebelum ini dan £20 juta untuk artis individu dan *freelance* (Artnet News, 2020).

HIPOTESIS

- (i) Terdapat hubungan signifikan antara tahap dan ciri-ciri resilien (daya tahan) penggiat seni dengan tempoh masa PKP termasuk PKPB, PKPP dan PKPD yang berlangsung selama hampir 24 minggu. Semakin lama tempoh PKP, maka semakin rendah tahap resilien penggiat seni dalam menjalankan kehidupan seharian mereka.

(ii) Terdapat hubungan signifikan antara strategi adaptasi yang dilakukan oleh penggiat seni persembahan dalam tempoh PKP (termasuk PKPB dan PKPP) dengan cabaran dalam menangani perubahan terhadap amalan normal baharu dan budaya aplikasi digital pasca COVID-19 nanti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan lima fasa penyelidikan, iaitu:

Fasa 1: Mengumpulkan maklumat dan data asas tentang profil lokasi kajian dan profil demografik penggiat seni persembahan termasuk skop persembahan dan bidang tugas, khalayak audiens dan klien serta amalan normal biasa yang dilakukan sebelum pandemik COVID-19 menular di negeri Sabah.

Fasa 2: Memperoleh data sekunder dan rekod tentang perkembangan dan statistik pandemik COVID-19 serta peraturan dan amalan PKP termasuk PKPB, PKPD dan PKPP yang dilaksanakan di negeri ini.

Fasa 3: Mengumpul data primer melalui kaedah temu bual menggunakan borang soal selidik, temu bual mendalam, temu bual kumpulan sasar (*focus group*) dan pemerhatian tentang tahap dan ciri-ciri resilien (daya tahan) penggiat seni sepanjang tempoh PKP termasuk PKPB, PKPD dan PKPP di negeri Sabah.

Fasa 4: Menganalisis kepelbagaiannya strategi adaptasi yang dilakukan oleh penggiat seni persembahan dalam tempoh PKP (termasuk PKPB, PKPD dan PKPP) dalam konteks perubahan daripada amalan normal biasa kepada amalan normal baharu yang dilakukan oleh penggiat seni persembahan di negeri ini.

Fasa 5: Menganalisis dan mencadangkan strategi semerta, jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang yang boleh dilaksanakan dalam memperkasa penggiat seni persembahan dengan mengambil kira perubahan kepada amalan normal baharu dan budaya aplikasi digital pasca COVID-19.

(a) Pendekatan kajian

Eksplorasi dan penilaian.

(b) Reka bentuk kajian

Kajian kes – penerangan fenomena dan tingkah laku.

(c) Instrumen kajian

Borang panduan temu bual, catatan diari/nota, perakam suara, kamera digital dan perakam video.

(d) Populasi dan persampelan kajian

Terdapat dua kategori informan dan responden yang akan dikaji:

- (i) Penggiat seni profesional di bawah naungan institusi dan syarikat produksi yang terpilih.
- (ii) Penggiat seni tidak formal yang bebas, berskala kecil-kecilan dan tidak terikat dengan institusi secara rasmi / *freelance* / jalanan / peringkat mukim / kampung.

Lokasi Kajian	Profesional	Tidak Formal
Sabah	80	80

* Kategori seni persembahan - tarian, teater, muzik

* Kategori penggiat seni - Pelaku seni, penganjur, pengeluar, pendidik, usahawan, kru pengurusan dan teknikal, koreografer, jurusolek artis dan pelbagai.

(e) Prosedur kajian

Prosedur kajian dibahagikan kepada tujuh peringkat, iaitu (i) Tinjauan literatur, (ii) penyediaan instrumen kajian (borang soal selidik dan panduan soalan temu bual), (iii) kajian rintis, (iv) penyemakan dan penambahbaikan instrumen kajian, (v) kajian lapangan (di empat lokasi kajian), (vi) analisis data dan (viii) hasil kajian.

(f) Teknik mengumpul data

1. Temu bual menggunakan borang soal selidik

Temu bual menggunakan borang soal selidik ini melibatkan 80 orang penggiat seni profesional dan 80 orang penggiat seni tidak formal di negeri Sabah. Antara kategori seni persembahan yang dikaji adalah tarian, muzik dan teater, manakala kategori penggiat seni yang terlibat termasuklah pelaku seni, penganjur, pengeluar, pendidik, usahawan, kru pengurusan dan teknikal, koreografer, jurusolek artis dan pelbagai seniman. Kajian adalah berkaitan dengan tahap dan ciri-ciri resilien (daya tahan) penggiat seni sepanjang tempoh PKP termasuk PKPB, PKPP dan PKPD.

2. Temu bual mendalam

Temu bual lebih mendalam melibatkan penggiat seni yang penting dalam industri media, seni dan hiburan di negeri Sabah.

Kajian ini adalah tentang strategi semerta, jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang yang boleh dilaksanakan dalam memperkasa penggiat seni persembahan dengan mengambil kira perubahan kepada amalan normal baharu dan budaya aplikasi digital pasca COVID-19.

3. Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan terhadap kepelbagaian strategi adaptasi yang dilakukan oleh penggiat seni persembahan dalam tempoh PKP (termasuk PKPB, PKPD dan PKPP) dalam konteks perubahan daripada amalan normal biasa kepada amalan normal baharu yang dilakukan oleh penggiat seni persembahan di negeri ini.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini menyumbang penemuan baharu dan pengetahuan berkaitan dengan pandemik COVID-19 serta implikasinya terhadap industri media, seni dan hiburan di Malaysia. Memandangkan pandemik ini buat pertama kali berlaku di Malaysia, maka bahan literatur dan hasil penyelidikan tentang wabak ini masih terlalu kurang.

KESIMPULAN

Penularan pandemik COVID-19 di Malaysia yang mula dikesan pada akhir bulan Januari 2020 lalu telah memaksa kerajaan melaksanakan PKP yang seterusnya dilanjutkan kepada PKPB, PKPD dan disusuli dengan PKPP mulai 18 Mac 2020 dan seterusnya dilanjutkan sehingga kini. Memandangkan pengalaman PKP ini adalah pertama kali bagi kebanyakan penduduk dan tempohnya yang panjang, ia didapati memberikan impak terhadap pelbagai sektor ekonomi negara. Salah satu sektor berkenaan adalah industri media, seni dan hiburan. Penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP didapati memberikan kesan yang mendalam terutamanya terhadap penggiat seni persembahan di negeri Sabah. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada tahap dan ciri-ciri resilien penggiat seni sepanjang PKP (termasuk PKPB, PKPD dan PKPP) dan cara mereka mengadaptasi pendekatan persembahan dari normal biasa bersifat fizikal ke normal baharu iaitu ‘pentas’ digital dan cabaran yang terpaksa dihadapi dalam tempoh pandemik COVID-19.

RUJUKAN

- Artnet News. (2020). *Arts Council England has launched a \$190 million emergency relief package for creative organizations and artists.* <https://news.artnet.com/art-world/arts-council-england-emergency-relief-fund-18148> 29. Artnet News, 2020-03-25. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Brendan, C. (2020). *Cirque du Soleil lays off 95 percent of its workforce after coronavirus forces closure of all its shows globally.* <https://www.newsweek.com/cirque-du-soleil-canada-coronavirus-staff-fired-1493386>. Newsweek. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Classic FM. (2020). *Self-isolating choirs and orchestras are performing powerful at home concerts during coronavirus outbreak.* <https://www.classicfm.com/music-news/coronavirus/self-isolating-choirs-orchestras-perform-concerts/>. Classic FM. 7 April 2020. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Colleen Dilenschneider. (2020a). Data Update: How COVID-19 is impacting intentions to visit cultural entities. Colleen Dilenschneider, 23 March 2020. <https://www.colleendilen.com/2020/03/23/weekly-data-update-how-covid-19-is-impacting-intentions-to-visit-cultural-entities-march-23-2020/>. Dilayari pada 11 Jun 2020.
- Colleen Dilenschneider. (2020b). Post-Pandemic, Which Cultural Entity Types Are People More Likely to Revisit? (DATA). Colleen Dilenschneider, 25 March 2020. <https://www.colleendilen.com/2020/03/25/how-is-covid-19-impacting-likelihood-to-attend-different-cultural-entities-data/>. Dilayari pada 11 Jun 2020.
- Dance Magazine. (2020). The dance performances that have gone online. <https://www.dancemagazine.com/dance-performances-online-2645501079.html>. Dance Magazine, 16 March 2020. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Deloitte (2020). *Understanding the sector impact of COVID-19 - Media and entertainment.* <https://www2.deloitte.com/article>. Dilayari pada 10 Jun 2020.

- Ella, W. (2020). How artists are depicting the coronavirus lockdown. *BBC News*, 24 April 2020. <https://www.bbc.com/news/uk-52296886>. Dilayari pada 11 Jun 2020.
- Isabella, S. (2020). *South Korea is offering free concerts online to help people get through coronavirus*. <https://qz.com/1817876/korea-offers-free-concerts-online-during-coronavirus/>. Quartz. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Jason, F. (2020). The merry-go-round stopped. What sort of art will emerge? *The New York Times*, 25 March 2020. <https://www.nytimes.com/2020/03/25/arts/design/coronavirus-digital-artists.html>. Dilayari pada 11 Jun 2020.
- Jennifer, B. (2020). *Assessment of COVID-19's Impact on Small and Medium-sized Enterprises*. Santa Monica, CA: The Rand Corporation.
- Jo, C. (2020). *Coronavirus: What the latest stimulus measures mean for Australian artists and arts organisations*. <https://theconversation.com/coronavirus-what-the-latest-stimulus-measures-mean-for-australian-artists-and-arts-organisations-134233>. The Conversation. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Kai Kupferschmidt & Jon Cohen. (2020). *Race to find COVID-19 treatments accelerates – WHO launches megatrial to test repurposed drugs and experimental drugs candidates*. <http://sciemag.org>. Dilayari pada 29 Mac 2020.
- Kajsa, H. (2020). Museums delivering value online - some thoughts during the COVID-19 crisis. *Medium*, 29 March 2020. <https://medium.com/@kajsahartig/museums-delivering-value-online-some-thoughts-during-the-covid19-crisis-193fc0a58d22>. Dilayari pada 11 Jun 2020.
- KEA. (2020). Worldwide policy response to COVID-19 in support of the CCS. *KEA*, 27 March 2020. <https://keanet.eu/worldwide-policy-response-to-covid-19-in-support-for-the-ccs/>. Dilayari pada 12 Jun 2020.
- Kementerian Dalam Negeri, (2020). Perintah Kawalan Pergerakan bagi Mengelak Penularan Wabak COVID-9 (18 Mac – 31 Mac 2020), Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
- Laura, F. (2020). Beginning of a new era: How culture went virtual in the face of crisis. *The Guardian*, 9 April 2020. https://www.theguardian.com/culture/2020/apr/08/art-virtual-reality-coronavirus-vr?CMP=Share_iOSApp_Other. Dilayari pada 11 Jun 2020.
- Londonist. (2020a). *Patrick Stewart is treating twitter to one Shakespeare sonnet a day during lock down*. <https://londonist.com/london/books-and-poetry/patrick-stewart-is-treating-twitter-to-one-shakespearian-sonnet-a-day-during-lockdown>. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Londonist. (2020b). *You can screen The West End's Wind In The Willows online for free*. <https://london-ist.com/london/theatre-and-arts/wind-in-the-willows-streaming-west-end>. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Moon, S. (2020). Effects of COVID-19 on the entertainment industry. *International Digital Organization for Scientific Research – IDOSR Journal of Experimental Sciences*, 5(1), 8-12.
- Metropolitan Opera. (2020). *Metropolitan Opera|Met launches “Nightly Met Opera Streams” - a free series of encore Live in HD presentations streamed on the company website during the coronavirus closure*. <https://www.metopera.org/about/press-releases/met-launches-nightly-met-opera-streams-a-free-series-of-encore-live-in-hd-presentations-streamed-on-the-company-website-during-the-coronavirus-closure/>. Metopera.org. Dilayari pada 10 Jun 2020.

- Mohd Izwan Mahmud. (2020). *Mengurus kebimbangan, sokongan dan resilien pelajar universiti dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*. Bangi: Pusat Pembangunan Karier (UKM-Karier), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- NAVA. (2020). *Creative industry unites to secure Australia's cultural life*. <https://visualarts.net.au/news-opinion/2020/creative-industry-unites/>. NAVA. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Playbill. (2020). *In wake of season cancellation, Metropolitan Opera continues free streaming series with a Week of Wagner*. <https://www.playbill.com/article/in-wake-of-season-cancellation-metropo-litan-opera-continues-free-streaming-series-with-a-week-of-wagner>). Playbill, 23 March 2020. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Pointe Magazine. (2020). Updated: Mark Your Calendars for These Online Ballet Performances. <https://www.po intemagazine.com/mark-your-calendars-for-these-online-ballet-performances-2645584131.html>. Pointe Magazine, 31 March 2020. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Royal Opera House. (2020). *The Royal Opera House launches a programme of free online content for the culturally curious at home*. <https://www.roh.org.uk/news/the-royal-opera-house-launches-a-programme-of-free-online-content-for-the-culturally-curious-at-home>. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Schaffarczyk, K. (2013). Explainer: What is geo-blocking? *The Conversation*. <https://theconversation/explainer-what-is-geoblocking-13057>. Dilayari pada 11 Jun 2020.
- Scott, L. (2020). Coronavirus sees ARIA-winning musicians turn online teachers as students flock to lessons. *ABC News*, 26 March 2020. <https://www.abc.net.au/news/2020-03-26/coronavirus-cant-stop-the-music-as-online-lessons-in-demand/12089060>). Dilayari pada 11 Jun 2020.
- Sinead, S. (2020). Coronavirus cabin fever: The best celebrities to follow, from Robbie Williams to Florence Pugh. *The Guardian*, 25 March 2020. <https://www.theguardian.com/lifeandstyle/2020/mar/25/coronavirus-cabin-fever-the-best-celebrities-to-follow-from-robbie-williams-to-florence-pugh>. Dilayari pada 11 Jun 2020.
- Smith, T., Bushek, J. & Prosser, J. (2020). *COVID-19 Drug Therapy – Potential Options*. <https://www.elsevier.com>. Dilayari pada 29 Mac 2020.
- Staatsoper Berlin. (2020). Our daily video on demand programme. <https://www.staatsoper-berlin.de/en/staatsoper/news/our-daily-video-on-demand-programme.142/>. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- Stephanie, C. & Sharnee, R. (2020). *Livestreaming schedule: Music, art, literature and events from Australia and beyond*. The Guardian. <https://www.theguardian.com/lifeandstyle/2020/mar/20/livestreaming-schedule-music-art-literature-and-events-from-australia-and-beyond>. Dilayari pada 8 Jun 2020.
- Sydney Theatre Company. (2020). *STC virtual*. <https://www.sydneytheatre.com.au/stc-virtual>. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- The Gallipoli Association. (2020). *Anzac Day Saturday 25 April 2020*. <https://www.gallipoli-association.org/events/anzac-day-saturday-25-april-2020/>). Dilayari pada 10 Jun 2020.
- The Guardian. (2020a). Phoebe Waller-Bridge's Fleabag play to be streamed online. <https://www.theguardian.com/stage/2020/apr/06/phoebe-waller-brides-fleabag-to-be-livestreamed>. The Guardian, 6 April 2020. Dilayari pada 10 Jun 2020.

- The Sydney Morning Herald. (2020). Edinburgh festivals cancelled for first time since 1947. <https://www.smh.com.au/culture/theatre/edinburgh-festivals-cancelled-for-first-time-since-1947-2020-0402-p54gbo.html?btis>. Dilayari pada 12 Jun 2020.
- Time Out. (2020). *The best theatre to watch online right now*. <https://www.timeout.com/theatre/best-streaming-theatre-shows-how-to-watch-online>. Dilayari pada 8 Jun 2020.
- United Nation Conference on Trade and Development (UNCTAD). (2020). *Global trade impact of the coronavirus (Covid-19) epidemic*. 4 Mac 2020. <https://unctad.org>. Dilayari pada 30 Mac 2020.
- Vogue France. (2020). *The Paris Opera is screening its performances online for free*. <https://www.vogue.fr/fashion-culture/article/paris-opera-broadcasting-screening-performances-online-for-free-2020>. Vogue France, 21 April 2020. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- WhatsOnStage. (2020a). *Stage shows, musicals and opera you can watch online now for free*. https://www.whatsonstage.com/london-theatre/news/stage-shows-musicals-opera-free-stream-onlin-e_51198.html. Dilayari pada 8 Jun 2020.
- WhatsOnStage. (2020b). *West End confirms closure until at least August*. https://www.whatsonstage.com/london-theatre/news/west-end-closure-august-covid-lockdown_51712.html. WhatsOnStage, 3 June 2020. Dilayari pada 10 Jun 2020.
- World Health Organization. (2011). The classical definition of a pandemic is not elusive. *Bull. World Health Organ.*, 89 (7), 540541.
- World Health Organization. (2020a). *WHO | Novel Coronavirus – China*. 12 Jan 2020. <https://www.who.int/csr/don/12-january-2020-novel-coronavirus-china/en/>. Dilayari pada 28 Mac 2020.
- World Health Organization. (2020b). *Coronavirus Update*. <https://www.worldometer.info>. Dilayari pada 14 Jun 2020.
- Wu, Z. & McGoogan, J. M. (2020). Characteristics of and important lessons from thecoronavirus-disease 2019 (COVID-19) outbreak in China: Summary of a report of 72 314 cases from the Chinese center for disease control and prevention. *JAMA*, Dilayari pada 24 Februari 2020.
- Ying Liu, Albert, A. G., Annelies Wilder-Smith & Joacim Rocklöv. (2020). The reproductive number of COVID-19 is higher compared to SARS coronavirus. *Journal of Travel Medicine*. Dilayari pada 13 Februari 2020.
- Zachary, W. (2020). Metropolitan Opera cancels season over virus and faces \$60 million loss. <https://www.nytimes.com/2020/03/19/arts/music/metropolitan-opera-coronavirus.html>). *The New York Times*. Dilayari pada 10 Jun 2020.